

Penyampai : DATO SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI  
Tajuk : MAJLIS LAWATAN KE YAYASAN PEMULIHAN ORANG-ORANG CACAT NEGERI  
KELANTAN  
Lokasi : PENGKALAN CEPA, KELANTAN  
Tarikh : 12-04-2002

Syukur alhamdulillah dengan izinNya dapat kita berkumpul bersama-sama pada hari ini di Yayasan Orang-Orang Cacat Negeri Kelantan ini. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak penganjur majlis dan Yayasan ini kerana telah mengatitkan majlis ini dengan sempurnanya.

2. Saya difahamkan pada hari ini terdapat empat kumpulan utama wanita yang dijemput untuk berada di Majlis ini, iaitu Isteri Ketua-ketua Jabatan Persekutuan, Ahli-ahli BAKAT dan PERKEP serta wanita UMNO. Semoga dengan kehadiran Puan-puan ke majlis hari ini dapatlah kita bersama-sama mengenal lebih dekat lagi Yayasan ini di samping dapat bermesra dan menyelami perasaan mereka yang kurang upaya ini. Sematkanlah satu tekad pada diri tuan-tuan dan puan-puan untuk sentiasa menghulurkan bantuan kepada mereka ini melalui aktiviti-aktiviti pertubuhan masing-masing di satu hari nanti.

3. Saya difahamkan di Kelantan ini terdapat seramai 9,245 orang kurang upaya yang berdaftar, di mana 762 adalah cacat anggota, 730 cacat akal, 322 cacat pendengaran dan 210 orang buta. Saya yakin masih ramai lagi mereka yang kurang upaya yang belum berdaftar di negeri ini. Walaupun mereka ini berdaftar atau pun tidak adalah tanggungjawab kita untuk sama-sama membantu mereka. Saya dimaklumkan juga bahawa pada masa ini terdapat 19 buah pusat dalam komuniti di Kelantan ini di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Pusat ini adalah merupakan pusat pemulihan bagi kanak-kanak cacat yang kini jumlah kanak-kanak yang menerima rawatan pemulihan di 19 buah pusat pemulihan ialah seramai 357 orang.

4. Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri telah menyalurkan bantuan purata RM13,000 setahun kepada pusat-pusat tersebut untuk membiayai elaun guru dan peralatan. Di samping itu sebanyak RM30,000 setahun diperuntukkan untuk memberi bantuan otopedik iaitu kaki palsu, tangan palsu, alat pendengaran dan kerusi roda kepada yang sangat memerlukan.

5. Kerajaan Persekutuan juga telah memberikan bantuan sebanyak RM200 sebulan sebagai elaun pekerja cacat kepada seramai 592 orang kurang upaya di Kelantan. Dengan sumbangan tersebut membuktikan Kerajaan Persekutuan sentiasa prihatin kepada orang-orang kurang upaya ini.

6. Saya amat bangga bahawa terdapat juga pertubuhan bukan Kerajaan yang sanggup memikul tanggungjawab untuk sama-sama membantu golongan ini. Salah sebuah badan tersebut ialah Yayasan ini. Pertubuhan serupa ini akan dapat membantu Kerajaan bagi meringankan beban mereka yang kurang upaya supaya mereka ini dapat menjalani hidup ini dengan penuh bermakna.

7. Saya ingin mengucapkan syabas kepada Pengerusi dan Ahli Lembaga Yayasan ini kerana telah dapat mengurus Yayasan ini dengan jayanya.

8. Akhirnya marilah kita sama-sama memanjatkan rasa syukur kita kepada Allah S.W.T kerana negara kita, Malaysia ini, sentiasa aman sentosa dan makmur. Dengan keamanan ini setiap anggota masyarakat termasuk mereka yang kurang upaya dapat menjalani kehidupan masing-masing tanpa sebarang gangguan dan kebimbangan.